



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 14 APRIL 2020**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|--|--|
| 1. | PST SEDIA BARANG KEPERLUAN UNTUK RAKYAT, SH -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 2. | PERGERAKAN SAYUR DARI KUNDASANG BERJALAN LANCAR, BORNEO TODAY -ONLINE | |
| 3. | PROSES PENGHANTARAN SAYURAN KUNDASANG SEMASA PKP KINI LANCAR: JUNZ WONG, SABAH NEWS TODAY -ONLINE | |
| 4. | TRANSFER OF GREEN OUT OF KUNDASANG SMOOTH: JUNZ, DAILY EKSPRESS -ONLINE | |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

13 APR, 2020

PST sedia barang keperluan untuk rakyat

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2



MEMERANGI WABAK COVID-19

PST sedia barang keperluan untuk rakyat

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) membuka sebanyak 97 Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara bagi membolehkan rakyat mendapat barang keperluan.

Daripada jumlah itu, sebanyak 63 lokasi dibuka di bawah FAMA dan selebihnya di bawah LPP.

Ia melibatkan jualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan,

daging dan barangan runcit.

Bagi memastikan keselamatan penjual dan pembeli, setiap urusan perniagaan diwajibkan mengikut peraturan penjarakkan sosial di antara gerai dan pintu keluar masuk dikawal-selia anggota polis dan tentera.

Kempen kesedaran mengenai 12 Langkah Pencegahan Wabak Covid-19 untuk pengunjng juga diperbanyakkan dengan adanya bahan infografik mengenai perkara tersebut di outlet pemasaran terpilih.



TERENGGANU

Seorang pelanggan membasuh tangan selepas berbelanja di MyFarm Outlet (MFO) Chendering, Terengganu.



Susunan di Pasar Tani Kekal @RTC Kelantan.

KELANTAN



Barangan kering yang dijual di PST Medan Niaga Satok, Sarawak.

SARAWAK



Barangan keperluan yang dijual di PST Datin Hallmah, Johor.

JOHOR



Begitulah keadaan PST di Putrajaya.

PUTRAJAYA



MELAKA

Orang ramai perlu menjarakkan diri satu meter di PST Maelid Tanah Melaka.



KEDAH

Orang ramai mendapatkan barangan keperluan di PST Guar Chempedak, Kedah.



PERLIS

Pelbagai jenis sayuran dijual di PST Taman Sena Indah, Kangar, Perlis.

13 APR, 2020

PST sedia barang keperluan untuk rakyat

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) membuka sebanyak 97 Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara bagi membolehkan rakyat mendapat barang keperluan. Daripada jumlah itu, sebanyak 63 lokasi dibuka di bawah FAMA dan selebihnya di bawah LPP. Ia melibatkan jualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan,

daging dan barangan runcit.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 14/4/2020 | BORNEO TODAY | ONLINE | |

PERGERAKAN SAYUR DARI KUNDASANG BERJALAN LANCAR



KUNDASANG: Pergerakan sayur-sayuran dan buah-buahan dari Kundasang berjalan lancar dan proses sedia ada akan dilicinkan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Junz Wong berkata, beliau telah ke Kundasang bersama Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah Ribin Wahid, Setiausaha Politik Kementerian

Pertanian & Industri Makanan (MAFI) Rakam Sijim dan pegawai-pegawai MAFI untuk memahami secara lebih mendalam isu-isu logistik yang dihadapi para petani.

Beliau berkata, secara keseluruhannya, proses penghantaran hasil dari Kundasang ke tempat-tempat lain berjalan lancar.

"Kami telah membeli 35 tan kubis dari Kundasang, tiga tan limau bali dari Tenom dan setan tembikai dari Tawau minggu ini.

Sayur dan buah ini akan dieksport ke pasaran di Kuala Lumpur.

"Minggu depan kami akan memperoleh kelapa dan pisang," katanya, dalam satu kenyataan, di sini hari ini.



Junz berkata, kerjasama lanjut akan dijalankan oleh kementeriannya bagi memperbaiki proses sedia ada.

Katanya, lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sudah tentu telah menambah kesan ke atas petani dan pemborong.

Atas sebab itu, lebih banyak kerjasama selanjutnya akan diadakan.

"Melalui Jabatan Pertanian, Korporasi Pembangunan Desa (KPD), FAMA Sabah serta agensi-agensi berkenaan, kerjasama erat akan dilaksanakan bagi tujuan memaksimumkan hasil petani tempatan.

"Kami pastikan hasil dibawa sehingga ke pasaran-pasaran di Brunei, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

"Kerajaan Sabah akan pastikan rantai bekalan makanan tidak terputus," ujarnya.

Beliau berkata, dalam proses tersebut, petani tempatan akan diberi keutamaan agar cabaran yang dihadapi boleh diatasi bersama.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|------------------|---------|------------|
| 14/4/2020 | SABAH NEWS TODAY | ONLINE | |

PROSES PENGHANTARAN SAYURAN KUNDASANG SEMASA PKP KINI LANCAR: JUNZ WONG

KUNDASANG: Penghantaran sayur-sayuran dan buah-buahan dari Kundasang ke pasaran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kini berjalan dengan lancar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Junz Wong memberi jaminan proses penghantaran itu juga akan diperlicinkan lagi.



Junz (berbaju hitam) bersama Ribin dan Rakam dalam lawatan ke Kundasang bagi memahami isu-isu logistik dihadapi penanam sayur dan buah-buahan pada Ahad. Gambar SNT/Ihsan MAFI

"Saya telah ke Kundasang bersama Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah, Ribin Wahid, Setiausaha Politik MAFI, Rakam Sijim dan pegawai-pegawai Kementerian untuk memahami secara lebih mendalam isu-isu logistik yang dihadapi para petani.

"Secara keseluruhannya, proses penghantaran hasil dari Kundasang ke tempat-tempat lain berjalan lancar.

"Kami telah membeli 35 tan kubis dari Kundasang, 3 tan limau bali dari Tenom dan 1 tan tembikai dari Tawau minggu ini. Sayur dan buah ini akan dieksport ke pasaran di Kuala Lumpur.

"Minggu depan kami akan perolehi kelapa dan pisang," katanya.

Junz menambah kerjasama lanjut akan dijalankan oleh Kementeriannya bagi memperbaiki proses sedia ada.

"Lanjutan PKP sudah tentu telah menambah kesan ke atas petani dan pemborong sebab itu lebih banyak kerjasama lanjut akan diadakan.



Junz (dua kiri) singgah di Pusat Operasi FAMA di KKIP selepas lawatan kerja ke Kundasang hari ini. Gambar SNT/Ihsan MAFI

"Melalui Jabatan Pertanian, Korporasi Pembangunan Desa (KPD), FAMA Sabah serta agensi-agensi berkenaan, kerjasama erat akan dilaksanakan bagi tujuan memaksimumkan hasil petani tempatan. Kami pastikan hasil dibawa sehingga ke pasaran-pasaran di Brunei, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

"Kerajaan Sabah akan pastikan rantaian bekalan makanan tidak terputus. Dalam proses tersebut, petani tempatan akan diutamakan agar cabaran yang dihadapi boleh diatasi bersama," katanya.- SabahNewsToday

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|----------------|---------|------------|
| 14/4/2020 | DAILY EKSPRESS | ONLINE | |

Transfer of greens out of Kundasang smooth: Junz



KUNDASANG: The transfer of vegetables out of Kundasang is smooth and the process will be further enhanced, said the State Agriculture and Food Industry Minister, Datuk Junz Wong, Sunday.

He said: "I was at Kundasang together with Sabah Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) Director Ribin Wahid and officers from my ministry to better understand issues on the ground in order to overcome logistical challenges faced by farmers.

"The overall process of transporting vegetables and produces out of Kundasang was smooth.

"We bought 35 tonnes of cabbage from Kundasang, three tonnes of pomelos from Tenom and one tonne of watermelons from Tawau this week which are exported for Kuala Lumpur markets."

"Next week we will purchase coconuts and bananas."

Junz explained that further cooperations will be held by his Ministry to enhance the process.

"The extended Movement Controlled Order (MCO) has definitely affected farmers and vegetable distributors. That is why more cooperations will held."

"Through the Agriculture Department and Rural Development Corporation (KPD), Sabah Fama and other relevant agencies will work closely to help maximise domestic producers reach export markets such as Brunei and Sarawak and West Malaysia."

"The State Government wants to make sure that the food supply chain does not break. In the process, Sabah farmers and planters will be prioritised in receiving help to survive this challenge."